

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

Para hadirin sekalian,

Assalamualaikum, Warahmatullahi, Wabarakatuh,
Salam 1 Malaysia, Salam 1 MOSTI, Salam 1
Standards Malaysia, dan selamat pagi.

1. Saya amat gembira berdiri di sini, bersama para hadirin pada hari ini, dalam program **Standards Malaysia Forum with Conformity Assessment Bodies 2016** yang merupakan acara tahunan Standards Malaysia bersama pelanggan kami.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para hadirin sekalian, kerana sudi meluangkan masa, untuk hadir ke forum pada pagi ini. Kehadiran tuan/puan meramaikan forum pada hari ini membuktikan bahawa forum ini bukan sahaja penting untuk Standards Malaysia, malahan untuk tuan/puan juga.
3. Untuk makluman tuan/puan, forum ini adalah sebahagian daripada inisiatif Standards Malaysia, untuk menyediakan **salah satu platform berkongsi ilmu, memberi maklumat terkini, dan bertukar pendapat** bersama Badan Penilaian Pematuhan (Conformity Assessment Bodies,

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

CAB), untuk kebaikan bersama khususnya, dan seterusnya, membawa manfaat kepada negara.

4. **Tema Hari Akreditasi Sedunia pada tahun ini yang diraikan setiap 9 Jun, adalah “Accreditation, – A Global Tool to Support Public Policy”.** Seiring itu, pada tahun ini, Standards Malaysia telah menjemput agensi-agensi penguatkuasa berkaitan, untuk berkongsi peranan, dan memberikan pandangan masing-masing, berkenaan tema sambutan pada tahun ini.

5. Standard, akreditasi, dan penilaian pematuhan (seperti pensijilan, pengujian, penentukuran dan pemeriksaan) merupakan alat strategik, bagi membantu kerajaan, terutamanya badan penguatkuasa, dalam mengimplementasi polisi berkaitan keselamatan, kesihatan, dan pelindungan alam sekitar. Ianya juga merupakan elemen penting bagi memudahcara (fasilitasi) perdagangan.

6. Buat pertama kalinya pada tahun ini, kami **telah menganjurkan sesi Klinik Standards Malaysia bersama Badan Penilaian Pematuhan pada bulan Mei yang lepas.** Sesi klinik ini adalah usaha berterusan kami, untuk berinteraksi dengan

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

tuan/puan, bagi mengenalpasti, dan menyelesaikan isu dan permasalahan yang dihadapi, supaya perkhidmatan akreditasi terbaik dapat diberikan.

7. Pada tahun ini juga, **Persatuan Makmal Akreditasi Malaysia, telah ditubuhkan.** Ini bagi mewujudkan medium kerjasama di antara makmal-makmal, dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan akreditasi makmal, seperti latihan, *proficiency testing* (pengujian ketepatan), dan hubungan dengan pihak penguatkuasa. Justeru, dikesempatan ini, saya mewakili Pengerusi Sementara, Dr. Md. Sani bin Ibrahim, ingin **menyeru semua makmal untuk menjadi ahli kepada persatuan ini.** Diharapkan, menerusi penyertaan makmal tuan/puan, akan ada satu suara, mewakili tuan/puan dalam forum-forum penting sama ada tempatan maupun antarabangsa. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Jabatan Standard Malaysia, merupakan sebuah agensi kerajaan, yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996, di bawah Kementerian Sains,

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

Teknologi dan Inovasi. Pada 28 Ogos 2016 yang lalu, Standards Malaysia telah bekerjasama, dengan Kerajaan Negeri Melaka, untuk menganjurkan **Program Kesedaran Standard, bersempena sambutan ulangtahunnya yang ke-20.** Program ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri MOSTI, dan mendapat sambutan hangat, daripada orang ramai. Bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan Standard, kami juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk menganjurkan acara **FunRun pada 16 October** ini. Para hadiri dijemput, untuk menyertai FunRun berkenaan.

9. Selaras dengan penubuhannya 20 tahun yang lalu, peranan dan tanggungjawab Standards Malaysia sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan, turut berkembang dan semakin penting, dalam memastikan pembangunan Malaysian Standards (MS), serta perkhidmatan akreditasi yang ditawarkan kepada anda, iaitu badan-badan penilaian pematuhan (CAB) di Malaysia lebih berkualiti. Ini termasuklah, dengan meningkatkan kerjasamanya, dengan lebih banyak badan-badan pengawalselia, dan Kerajaan-

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

kerajaan Negeri, termasuklah Sabah dan Sarawak.

Para hadirin sekalian,

10. Sebagaimana yang tuan/puan sedia maklum, Malaysia telah menandatangani **Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik**, atau *Trans Pacific Partnership Agreement* (TPPA), pada 4 Februari 2016. TPPA adalah sebuah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA), yang melibatkan 12 negara, yang meliputi lebih daripada 40% ekonomi global, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (“GDP”) hampir mencecah USD30 trillion, dengan populasi sejumlah 800 juta, setakat tahun 2014. Ini bermakna, satu peluang pasaran yang sangat besar telah terbuka luas untuk diterokai oleh Malaysia.

11. **Bab halangan teknikal kepada perdagangan, (Technical Barriers to Trade, TBT Chapter)** adalah bab yang dirundingkan oleh Standard Malaysia di bawah TPPA. Secara amnya, ianya bertujuan memudahcara perdagangan, dengan menghapuskan halangan yang tidak perlu, bagi isu-isu berkaitan peraturan teknikal, standard, dan prosedur penilaian

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

pematuhan. Ini termasuklah, saling mengiktiraf (*mutually recognise*) di kalangan badan-badan Akreditasi, yang merupakan penandatangan kepada ILAC dan IAF, terhadap sistem penilaian pematuhan masing-masing. Ini dalam kata lain bermaksud, kompetensi tuan/puan sebagai organisasi yang telah diakredit, diiktiraf, oleh mana-mana sahaja negara anggota.

12. Bagi memastikan pengiktirafan yang berterusan kepada CAB yang telah diakredit Standards Malaysia, status Malaysia sebagai penandatangan kepada ILAC dan IAF perlu dikekalkan. Untuk makluman, Jabatan ini telah berjaya mengekalkan dan meluaskan skop APLAC dan ILAC MRAny sejak tahun 2002 kepada skop pengujian (termasuk pengujian perubatan), penentukuran, dan yang terkini, pemeriksaan (*inspection*).

13. Bagi IAF dan PAC MLA pula, Jabatan ini telah dinilai semula oleh pasukan PAC *Evaluation* pada bulan Julai yang lalu. Alhamdulillah, kita menerima komen dan maklumbalas yang baik daripada pasukan penilai. Jika PAC berpuashati dengan laporan penilaian pasukan penilai, maka

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

Standards Malaysia akan berjaya mengekalkan statusnya sejak tahun 1998 sebagai penandatangan bagi QMS (Quality Management Systems), EMS (Environment Management Systems), dan produk, serta meluaskan skop kepada bidang FSMS (Food Safety Management Systems), dan, ISMS (Information Security Management Systems).

14. Justeru, status Malaysia sebagai penandatangan kepada 4 badan antarabangsa ini perlu diambil peluang oleh para CAB untuk mempromosi kompetensi masing-masing. Tambahan pula, TPPA telah mempromosikan kelebihan akreditasi. Jika produk dan perkhidmatan kita mahu lebih unggul bersaing atau mempunyai *competitive advantage*, aktiviti penilaian pematuhan atau *conformity assessment activities*, merupakan instrumen yang penting dalam memastikan produk yang akan dipasarkan memenuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan. Ini juga bermakna, organisasi tuan/puan memainkan peranan utama, dalam memastikan kredibiliti, kualiti produk dan perkhidmatan Malaysia, diiktiraf, dan berdaya saing dalam pasaran TPPA.

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Tahun ini juga merupakan tahun ke-5 sejak **Program Transformasi Ekonomi (ETP)** dilancarkan, oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohammad Najib Tun Abdul Razak. Di bawah ETP, standard, telah dikenalpasti sebagai pemangkin atau *enabler*, bagi menyokong Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), agar matlamat Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, dapat direalisasikan.

16. Sehubungan itu, Standards Malaysia turut merasa bahang ETP, apabila **pencapaian Standards Malaysia merupakan Ministerial Key Performance Indicator (MKPI), yang perlu diukur setiap tahun**, bagi memastikan pematuhan standard di Malaysia, berkembang seiring hasrat negara, untuk menjadi negara maju, menjelang tahun 2020. Oleh itu, kita tiada masa untuk leka, dan perlu sentiasa berusaha, ke arah mencapai matlamat tersebut.

17. Sehingga bulan Julai 2016, **Standards Malaysia telah mengakredit 779 buah makmal, 29 badan pensijilan meliputi 14 program, 11**

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

badan pemeriksa, dan 5 GLP test facilities.

Jumlah ini dijangka meningkat, dengan peningkatan badan-badan penilaian pematuhan baharu, yang diakredit setiap tahun. **Pada tahun 2015 contohnya, Standards Malaysia telah mengakredit 78 CABs baharu.**

18. Standards Malaysia turut giat meningkatkan **penglibatan pakar-pakar teknikal dari agensi-agensi berkaitan**, kerajaan mahupun swasta, bagi menyokong aktiviti Akreditasi kebangsaan ini. Sehingga kini, seramai lebih kurang 400 orang pakar, dalam pelbagai bidang turut terlibat, dalam pelaksanaan aktiviti Akreditasi, terutamanya, bagi **menampung anggaran sebanyak 800 penilaian yang dijalankan Standards Malaysia setiap tahun.**

19. Standards Malaysia telah melancarkan **National Standards Compliance Programme (NSCP)** pada 4 Jun 2014, oleh YAB. Dato'Sri Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, bagi membantu industri, terutamanya, Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Standards Malaysia turut bekerjasama dengan beberapa agensi seperti

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

MARA, SMECorp, MIDA, Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan Kementerian Kewangan, bagi menyediakan insentif untuk para IKS khususnya, yang ingin mematuhi standard.

20. Daripada Januari 2016 sehingga 31 Julai 2016, sebanyak 543 organisasi dan syarikat telah mendapat pensijilan daripada badan pensijilan yang telah diakredit oleh Standards Malaysia membawa kepada jumlah 1,900 organisasi dan syarikat sejak tahun 2013 dengan purata tambahan 1,000 organisasi dan syarikat baru dipersijilkan setiap tahun. Kami berharap organisasi dan syarikat tersebut mendapat manfaat hasil pensijilan tersebut. Kami juga berharap bilangan organisasi dan syarikat yang akan mendapat pensijilan bertambah setiap tahun, kerana ianya memberi nilai tambah secara keseluruhan, bukan sahaja kepada organisasi atau syarikat tersebut, malahan juga negara. Justeru, pencapaian ini bukan sahaja pencapaian Standards Malaysia, malah pencapaian anda semua. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Sila berikan tepukan gemuruh buat kita semua.

WELCOMING REMARKS

YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN, DIRECTOR GENERAL OF STANDARDS MALAYSIA
STANDARDS MALAYSIA FORUM WITH CONFORMITY ASSESSMENT BODIES 2016
30 AUGUST 2016, HOTEL BANGI-PUTRAJAYA

Tuan-tuan dan Puan-puan,

21. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi, di atas kesudian para hadirin, bagi menjayakan forum ini. Tanpa anda, kita tidak akan berdiri di sini pada hari ini. Teruskan bersama kami, dan marilah kita berganding bahu, bagi menjadikan 2020 satu realiti.
#adaakreditasikompeten, #adastandarduntung.
Sekian, terima kasih.